

Keengganan Filipina mohon maaf dikesali

UM 1 1 DEC 2002

KUALA LUMPUR 10 Dis. — Malaysia kesal dengan Filipina kerana bukan sahaja enggan memohon maaf berhubung isu seorang gadis bawah umur yang didakwa dirogol serta penghantaran baliknya, malah mendesak supaya Manila dimaklumkan perkembangan siasatan terhadap warga Malaysia tersebut.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kerajaan Filipina hanya menghantar pulang gadis tersebut, Jovina Sung @ Angelika yang berusia 13 tahun ke Kota Kinabalu semalam tanpa meminta maaf.

“Tidak,” katanya ketika ditanya sama ada Manila telah memohon maaf atas dakwaan terbuka bahawa gadis berkenaan yang mullanya dikatakan rakyat Filipina, dirogol ketika berada di pusat tahanan sementara di Sabah Julai lalu.

Tegas Syed Hamid, kerajaan Malaysia akan bertanggungjawab menjaga kebajikan gadis berkenaan yang pernah menjadi ‘perbalahan diplomatik’ antara Manila dan Kuala Lumpur kerana dia merupakan rakyat Malaysia.

Jelas beliau, apa yang penting ialah menjaga kebajikan gadis itu kerana dia masih di bawah umur.

“Kita tidak perlulah respons apa yang dia (Filipina) kata. Gadis itu adalah rakyat kita dan itu tanggungjawab kita.

“Itu sahaja yang boleh kita kata sekarang. Yang lainnya bukan masalah orang lain,” katanya selepas menghadiri taklimat mengenai sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Pada pertengahan Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Filipina seharusnya memohon maaf dari Malaysia kerana terburu-buru

■ Lihat muka 4

Keengganan Filipina mohon maaf dikesali

UM 1 1 DEC 2002

membuat kesimpulan berhubung kes gadis berkenaan yang didakwa dirogol dalam pusat tahanan sementara.

Menurut beliau, Filipina sepatutnya mempunyai rasa sensitif dan berhati-hati dalam membuat kenyataan mengenai perkara yang boleh menjejaskan hubungan baik antara kedua-dua negara.

Bagaimanapun beliau memberitahu, Malaysia tidak akan menghantar surat rasmi agar kerajaan Filipina memohon maaf.

Malah Dr. Mahathir berkata, Filipina sepatutnya membuat laporan kepada Malaysia mengenai kes rogol tersebut dan tidak membesar-besarkan perkara itu dalam media.

Setiausaha Kebajikan Sosial Filipina, Corazon Juliano Soliman yang turut menngiringi gadis berkenaan untuk diserahkan kepada Malaysia di Kota Kinabalu semalam berkata, Kuala Lumpur dari semasa ke semasa harus memaklumkan kepada kerajaan Filipina status dan perkembangan siasatan kes dakwaan rogol gadis itu.

Soliman yang membacakan satu kenyataan

komitmen bersama bagi pihak kerajaan Filipina dan Malaysia kepada media di Kota Kinabalu berkata: “Kerajaan Malaysia telah memberikan jaminan untuk menimbang permohonan bertulis bagi melawat Angelika oleh pihak berkuasa Filipina.”

Gadis itu kini ditempatkan di Pusat Perlindungan Kanak-kanak Princess Anne, Likas.

Gadis yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri dihantar ke Filipina bersama pendatang tanpa izin yang lain pada Julai lalu selepas ditahan dalam Ops Nyah II Bersepadu yang dijalankan di seluruh Sabah.

Apabila tiba di Filipina, dia mendakwa telah dirogol semasa ditempatkan di pusat tahanan sementara.

Dakwaan Jovina telah menimbulkan kemarahan kerajaan Filipina ketika itu yang mendakwa kerajaan Malaysia memberi layanan buruk kepada warganya.

Bagaimanapun soal siasat dan ujian DNA yang dijalankan oleh pihak berkuasa Malaysia mendapati gadis tersebut sebenarnya rakyat Malaysia.